

24 NOV 1997

Mahathir-Pasaran

KUASA PASARAN TERDEDDAH KEPADA PENYALAHGUNAAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

VANCOUVER, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencabar golongan yang mengajukan pegangan kononnya kuasa pasaran tidak boleh dipersoalkan, dengan menegaskan bahawa kuasa pasaran adalah terdedah kepada penyalahgunaan sebagaimana juga ekonomi yang diperintah.

"Perlu diingat bahawa kepentingan dirilah yang menggerakkan kuasa pasaran, dan kepentingan diri tidak jauh terpisah daripada tamak haloba," katanya dalam ucap utama pada majlis makan malam ketua-ketua pegawai eksekutif Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di sini pada hari Ahad.

Dr Mahathir berkata perasaan tamak yang tidak terkawal boleh mengatasi pertimbangan yang baik di dalam pasaran, dan apabila perasaan tamak sudah menguasai, kesannya terhadap orang lain hampir tidak dipedulikan.

Katanya selepas sosialisme dan nasionalisme jatuh ke lembah kehinaan, kecenderungan telah berubah ke arah penswastaan dan kuasa-kuasa pasaran.

Perubahan itu, katanya, ditakuti terlalu cenderung kepada menjadikan kuasa pasaran seolah-olah satu kepercayaan sehinggakan apa sahaja yang dilakukan di atas namanya tidak boleh dipersoalkan lagi.

"Kita melihat ini dalam ketegasan pemikiran apabila mempertahankan urusan mata wang misalnya atau apabila seseorang mengkritik spekulasi pasaran saham yang keterlaluan.

"Golongan yang memperjuangkan kuasa pasaran seolah-olah percaya bahawa terdapat unsur-unsur dalam kuasa-kuasa itu yang akan mengimbangkannya, dan dengan sendirinya membetulkan apa sahaja yang mungkin menghasilkan keputusan yang tidak diinginkan," kata beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kuasa-kuasa pasaran terdedah kepada penyalahgunaan, sama seperti ekonomi terancang.

Dalam ucapan yang bertema "Kerajaan dan Perniagaan: Bekerja Sama Untuk Pembangunan Ekonomi," Perdana Menteri berkata kegawatan mata wang di Asia Timur dan Asia Tenggara adalah satu hakikat tamak haloba.

Katanya negara-negara itu telah berusaha dengan keras untuk membangunkan ekonominya dan memberikan rakyatnya kehidupan yang baik.

"Daripada bangsa yang dikalahkan dan dijajahi, mereka bangkit daripada kejatuhan untuk mencapai tahap pembangunan yang baik.

"Mereka sebahagian besarnya telah berjaya dalam mengatasi kemiskinan di kalangan mereka... ada harapan bahawa dalam dua atau tiga dekad lagi mereka akan dapat menjadi negara maju," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pada Julai lepas, mereka tidak dapat berbuat apa-apa apabila melihat nilai mata wang mereka merosot, maka terhapuslah dalam masa dua minggu sahaja pertumbuhan yang diusahakan selama dua dekad. Pendapatan per kapita dan Keluaran Dalam Negara Kasar jatuh sebanyak lebih daripada 30 peratus manakala empat daripada negara-negara itu menanggung kerugian dalam kuasa membeli berjumlah hampir AS\$300 bilion (AS\$1 = RM3.43).

Di samping itu, pasaran-pasaran saham jatuh dan industri-industri ditutup manakala pengangguran meningkat dan aktiviti ekonomi terjejas termasuk pemberhentian projek-projek infrastruktur, katanya.

"Tiada siapa yang berfikiran waras boleh berkata bahawa keadaan sekarang adalah lebih baik daripada apabila ekonomi negara-negara itu cergas.

"Benar terdapat penyalahgunaan, terdapat rasuah. Terdapat agak banyak penyangak dan masih terdapat kemiskinan. Tetapi penderitaan adalah lebih

besar sekarang daripada dahulu," katanya.

Dr Mahathir berkata sungguhpun sesetengah percaya bahawa negara-negara itu mempunyai asas-asas yang lemah yang menyebabkan mata wang mereka susut nilai dan pasaran saham merosot, hakikatnya ialah sesetengah peniaga pasaran memutuskan untuk melepaskan diri bagi mengelakkan daripada kerugian wang mereka apabila ekonomi runtuh.

Katanya bukti seolah-oleh menunjukkan bahawa peniaga-peniaga pasaran itu tidak melabur dalam matawang-matawang itu sama-sekali tetapi sekadar meminjam matawang terbabit untuk menjualnya dan dengan itu menurunkan nilainya.

Katanya ini samalah juga halnya dengan saham, apabila peniaga-peniaga cuma meminjam saham untuk menjual singkat kemudiannya.

"Oleh itu mereka tidak menghadapi apa-apa risiko sama-sekali. Mereka cuma memulakan proses penyusutan nilai dan kemudian mereka terus meminjam, menjual dan membeli untuk mendapat keuntungan," katanya.

Dr Mahathir berkata pasaran bebas telah membenarkan amalan seumpamanya yang telah memusnahkan ekonomi begitu banyak negara dan kehidupan berjuta-juta penduduk.

"Pasaran bebas membenarkan mereka berbuat demikian. Sayang sekali negara-negara dan rakyat terpaksa menderita dan membayar harga yang tinggi, tetapi inilah cara pasaran bebas berjalan."

Katanya ia adalah ideologi yang tidak boleh diganggu oleh kuasa-kuasa pasaran dan ia adalah amat "suci."

"Sungguh malang bagi kita, keluar dari mulut harimau masuk pula ke mulut buaya. Kita mempunyai negara-negara komunis dan sosialis dan perancangan berpusat mereka, yang juga suci, yang selama 70 tahun menyiksa berjuta-juta manusia.

"Dalam hal ini terdapat terlalu banyak pemerintah. Tiada siapa boleh cuba mengubah sesuatu kerana ideologi kekuasaan negara-negara itu adalah satu 'agama' dan mereka tidak bertolak ansur dengan orang-orang yang mengkritik mereka."

"Kini kita ada ideologi pasaran, pasaran bebas yang tidak mungkin silap, dan pemerintah tidak boleh campur tangan dalam kuasa pasaran," kata Dr Mahathir.

Katanya pejuang-pejuang kuasa pasaran menyatakan pasaran akan membetulkan dirinya sendiri tetapi ia akan mengambil masa.

"Banyak orang akan menderita. Negara-negara akan kehilangan kemerdekaan mereka... yang kuat akan mengatasi yang lemah dan mereka yang kuat akan bersatu dan memberikan perkhidmatan lebih baik.

"Itulah hujahnya. Kemerdekaan tidak penting. Serahkan kemerdekaan kamu kepada mereka yang lebih tahu dan kamu akan makmur," katanya.

Dr Mahathir berkata itulah hukum pasaran, iaitu mereka yang lebih tahu adalah baik untuk yang lain dan pemerintah adalah kuno dan tidak relevan.

-- BERNAMA

MFJ OS NMO